

BAB 4 – ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

4.1 British Military Administration

1 Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua membawa kepada pendaratan semula tentera British di Tanah Melayu dengan melaksanakan Pentadbiran Tentera British (BMA).

Apakah yang anda tahu tentang BMA?

1945	Dilaksanakan pada 12 September 1945.
Lord Mountbatten	Merupakan pentadbiran tentera yang diletakkan di bawah arahan Lord Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara.
Tugas	Tugas BMA adalah untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat selepas perang.

Contoh jawapan:

Pentadbiran Tentera British dilaksanakan pada 12 September 1945. BMA diletakkan dibawah arahan Lord Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara. Tugas utama BMA adalah untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat selepas perang.

2 Bagaimanakah BMA mengembalikan kestabilan dan keamanan di Tanah Melayu?

Bubar	Membubarkan pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945.
Arah	BMA mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada mereka semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan.
Gagal	BMA gagal mengumpulkan semula senjata tersebut.
Banteras	BMA juga gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum.

3 Apakah harapan anda kepada pemimpin dunia supaya keamanan sejagat berkekalan?

Kemukakan hujah anda.

Haram	Mengharamkan senjata nuklear
Tamat	Menamatkan perlumbaan senjata – dunia tanpa peperangan
Semangat	Mengamalkan semangat setiakawan
Adil	Berpegang kepada prinsip keadilan sejagat
Runding	Mengutamakan rundingan sebagai penyelesaian masalah
Hormat	Menghormati kedaulatan negara lain

4 British Military Administration (BMA) berusaha untuk memulihkan kepercayaan rakyat dan keamanan negara.

Mengapakah kedatangan BMA sangat penting kepada penduduk Tanah Melayu?

Sukar	Rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintahan Jepun - contoh: bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar didapati.
Tinggi	Sekiranya ada bekalan tersebut, harganya pula melambung tinggi.
Penyakit	Wabak penyakit semakin merebak terutama penyakit beri-beri yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan.
Kebuluran	Selain itu, kebuluran berlaku di kebanyakan tempat
Wang	Rakyat juga tidak mempunyai wang untuk membeli makanan.
Tidak terkawal	Kegiatan menyorok barang, amalan rasuah, peras ugut dan pasar gelap di Kuala Lumpur menjadi semakin tidak terkawal.
Berharap	Rakyat berharap dapat diselamatkan oleh pentadbiran BMA.
Ambil alih	BMA telah mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu bagi mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong kepulauan British di negara ini.
Pulih	BMA juga berusaha untuk memulihkan kerosakan infrastruktur akibat bencana peperangan.

5 Sejauh manakah usaha yang dilakukan BMA berjaya mencapai matlamatnya?

Sosioekonomi Pulih	British berharap pemulihan sosioekonomi akan memulihkan kepercayaan rakyat. BMA berusaha untuk memulihkan ladang getah, lombong bijih timah serta membaiki prasarana dan kemudahan kesihatan yang dimusnahkan oleh tentera Jepun.
Sukar	BMA menghadapi kesukaran untuk membawa masuk jentera, alat ganti, mesin dan teknologi yang menyebabkan sosioekonomi sukar dipulihkan.
Hampa	Walaupun BMA berusaha untuk memulihkan kekacauan, rakyat hampa dengan ketidakupayaan BMA menangani masalah yang dihadapi mereka.
Sedar	Kegagalan pentadbiran British memberikan kesedaran kepada kita supaya sentiasa bersikap waspada dan tidak mudah mempercayai kuasa asing.
Gagal	BMA gagal melaksanakan tugasnya ketika penduduk tempatan mengharapkan bantuan.

6 Pada pendapat anda, apakah tindakan yang patut dilakukan oleh Malaysia dalam memelihara kestabilan politik negara?

Berikan hujah anda.

Muafakat	Mengamalkan permuafakatan
Kekal	Mengekalkan keamanan
Hormat	Menghormati hak asasi manusia
Tolak	Menolak sebarang bentuk keganasan
Elak	Mengelakkan campur tangan kuasa asing
Demokrasi	Memperkasa amalan demokrasi berperlembagaan
Kaum	Menolak politik perkauman

4.2 Gagasan Malayan Union

1 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA pada 1 April 1946.

Apakah hasrat British terhadap Malayan Union?

Licin	Melicinkan sistem pentadbiran.
Tingkat	Meningkatkan pelaburan ekonomi.
Kukuh	Mengukuhkan pertahanan.
Kekal	Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk meningkatkan ekonomi.

2 Bagaimanakah Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu?

Unit	Unit Perancang Tanah Melayu yang diketuai oleh Mejar Jeneral Ralph Hone.
Rangka	Merangka satu bentuk pentadbiran baharu di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union.
Setiausaha	Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall.
Bentang	Membentangkan rancangan ini di Parlimen British pada 10 Oktober 1945.
Kertas Putih 6214	Rancangan Malayan Union yang diisytiharkan dalam Warta Kerajaan dikenali sebagai Kertas Putih 6214.
Ambil alih	Dalam Kertas Putih tersebut, British akan mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu.
Tubuh	Menubuhkan sebuah pentadbiran berpusat (kesatuan) di bawah jajahan British.
Laksana	Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946

3 Apakah peranan kerajaan dalam memantapkan kestabilan dan kemajuan negara?

Kemukakan alasan anda.

Kekal	Mengekalkan kedaulatan negara – kekalkan kemerdekaan – elakkan sebarang bentuk ancaman terhadap negara
Kukuh	Mengukuhkan pertahanan negara – menjamin keselamatan
Perkasa	Memperkasa sistem pendidikan negara – lahirkan generasi berminda kelas pertama – lahirkan tenaga kerja mahir / pakar
Jamin	Menjamin keamanan dan kemakmuran negara
Tarik	Menarik pelaburan asing – kepimpinan berwibawa

4 Pembentukan Malayan Union merupakan usaha penjajah untuk menakluki tanah air kita.

Apakah yang terkandung dalam Kertas Putih 6274?

Satu	Konsep kesatuan
Tadbir	Bentuk pentadbiran
Undang	Sistem perundangan
Raja	Kedudukan Raja-Raja Melayu
Warganegara	Syarat Kewarganegaraan
Islam	Agama Islam

5 Terangkan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union dari aspek berikut.

(i) Pentadbiran

Ketua	Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England.
Kawal	Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union dibentuk di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British.
Sultan	Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
Satu	Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.

(ii) Kewarganegaraan

Jus soli	Kewarganegaraan melalui prinsip jus soli menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union.
Iktiraf	Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union.
Warganegara	Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberikan kewarganegaraan.
Ibu bapa	Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara, turut diberikan kewarganegaraan.

6 Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya Malayan Union berjaya dilaksanakan di negara kita?

Berikan hujah anda.

Jajah	Negara akan terus dijajah – kedudukan British kukuh
Hilang	Raja-Raja Melayu kehilangan kuasa
Tambah	Bilangan kaum pendatang bertambah
Mundur	Kehidupan orang Melayu semakin mundur
Cabar	Kedudukan agama Islam tercabar
Pinggir	Bahasa Melayu semakin terpinggir
Hak	Hak istimewa orang Melayu hilang

7 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu dengan tujuan mengukuhkan pentadbiran, ekonomi dan pertahanan.

Bagaimanakah British menjayakan hasrat gagasan Malayan Union tersebut?

Lantik	British melantik Sir Harold MacMichael (MacMichael) untuk mendapatkan tandatangan sultan.
Hantar	Bagi memastikan misi ini disempurnakan dengan baik, British menghantar H.C. Willan (Willan), Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam Malaya.
Hadap	Merintis jalan menghadap Raja-raja Melayu untuk meninjau sokongan Raja-raja Melayu terhadap British.
Tugas Yakin	Willan menjalankan tugasnya dari 8 September 1945 hingga 29 September 1945. Dalam laporannya, H.C. Millan mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Raja-raja Melayu akan menyokong British dengan menandatangani perjanjian Malayan Union.
Sokongan	Pada setiap pertemuan dengan sultan, Willan berusaha memastikan sokongan Raja-raja Melayu untuk menandatangani perjanjian.
Mudah	Misi Willan telah memudahkan tugas MacMichael selepas itu.

8 Sir Harold MacMichael berperanan penting dalam menjayakan hasrat British membentuk Malayan Union.

Jelaskan misi beliau mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu.

Wakil	Pada 11 Oktober 1945, MacMichael, wakil kerajaan British tiba di Port Swettenham, Selangor, dengan menaiki kapal Royalist.
Teman	Beliau ditemani oleh A.T. Newbould sebagai jurubahasa.
Tidak tepati	Cara yang dirintis oleh Willan ternyata tidak menepati harapan wakil kerajaan British, MacMichael.
Tentangan Taktik	MacMichael tetap menerima tentangan daripada Raja-raja Melayu. MacMichael menggunakan pelbagai taktik untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.
Berjaya	Dalam tempoh dua bulan, beliau berjaya mendapatkan tandatangan persetujuan sembilan orang Raja-raja Melayu.

9 Sejauh manakah Willan dan MacMichael berjaya menyelesaikan misi mereka untuk memperkenalkan Malayan Union di negara kita?

Kemukakan alasan anda.

Misi	Willan dan MacMichael berjaya menyelesaikan misi mereka.
Desak	Menggunakan desakan dan paksaan untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.
Tidak setuju	Cara yang digunakan oleh kedua-dua pegawai British itu tidak dipersetujui.
Reaksi	Menimbulkan reaksi penentangan daripada pelbagai pihak.
Bantah	Kesannya, Raja-raja Melayu telah membantah perjanjian Malayan Union.

10 Pemimpin yang baik ialah pemimpin yang sentiasa menjaga keharmonian rakyat dan kedaulatan negaranya. Beri komen anda.

Cekap	Memastikan pentadbiran cekap, adil dan cemerlang
Adil	Mengamalkan undang-undang yang adil – elakkan ketidakadilan
Padu	Mengekalkan perpaduan rakyat – elakan politik perkauman
Bangun	Melibatkan rakyat dalam pembangunan negara
Ambil tahu	Mendampingi rakyat dan mengambil tahu masalah rakyat
Hubungan	Memperkasa hubungan luar – kukuhkan hubungan diplomatik – pentingkan perundingan sebagai penyelesaian masalah negara - ASEAN, PBB
Cinta	Mengamalkan semangat cinta akan negara – bersikap terbuka – mengutamakan kepentingan negara
Teladan	Menjadi teladan kepada rakyat dan dunia – sikap / tingkah laku yang baik

4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

- 1 **Kerajaan British mengisytiharkan Malayan Union pada 1 April 1946 tetapi ditentang oleh Raja-raja Melayu, orang Melayu dan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Mengapakah Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?**

Jajah	Malayan Union merupakan bentuk penjajahan secara mutlak oleh kerajaan British.
Hilang	Sultan Melayu kehilangan kedaulatan dan kuasa politik yang selama ini menjadi hak Raja-raja Melayu.
Bantah	Raja-raja Melayu menyuarakan bantahan dan tentangan baginda terhadap Malayan Union melalui pelbagai cara.

- 2 **Bagaimanakah Raja-raja Melayu membantah gagasan Malayan Union?**

(i) **Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England**

Sidang	Persidangan Raja-raja Melayu di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, pada bulan April 1946 memutuskan untuk menengahkan bantahan melalui Mahkamah Tinggi di England.
Hadir	Sultan Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor akan berangkat ke England sekiranya kehadiran baginda diperlukan di mahkamah tersebut.
Tidak sah	Menurut sistem perundangan British, MacMichael mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu dengan cara tidak sah.

(ii) **Menghantar surat bantahan ke London**

Diperdaya	Sultan Kedah, Perak dan Johor mengutus surat bantahan kepada George Henry Hall, mendakwa baginda diperdaya oleh MacMichael.
Ugut	Beberapa orang raja mendakwa diugut supaya menurunkan tandatangan tanpa menyedari akibatnya.
Mansuh Telegram	Raja-raja Melayu memohon British memansuhkan persetujuan yang ditandatangani itu. Tuanku Syed Putra Jamalullail juga mengiriskan telegram kepada kerajaan British di London.
Suara Peluang	Menyuarakan rasa tidak puas hati baginda terhadap tindakan MacMichael. Baginda tidak diberikan peluang untuk mendapatkan nasihat daripada pembesar negeri sebelum memberikan persetujuan.

(iii) **Menyokong Kongres Melayu**

Sokong	Kongres Melayu turut disokong oleh Raja-raja Melayu.
Tolak	Kongres ini diadakan untuk menunjukkan kesungguhan orang Melayu menolak Malayan Union.
Derma	Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah menderma sebanyak \$15 ribu kepada Persatuan Melayu Selangor.
Tuan rumah Rasmii	Menjadi tuan rumah Kongres Melayu Pertama. Baginda juga merasmikan pembukaan kongres ini.

(iv) **Permaisuri Perak memimpin gerakan menentang Malayan Union**

British	Pada 28 Mei 1946, Ahli Parlimen British tiba di Kuala Kangsar, Perak, tempat Sultan Iskandar Shah bersemayam.
Himpun Gabung Permaisuri	Perhimpunan besar-besaran di Padang Bandar Diraja Kuala Kangsar. Menunjukkan raja dan rakyat bergabung untuk menentang Malayan Union. Tuanku Permaisuri Perak, Raja Perempuan Kelsom mengetuai barisan hadapan perarakan bersama-sama dengan wanita negeri Perak.
Lintas	Perarakan itu berjalan melintasi Raja-raja Melayu, Ahli Parlimen British dan pemimpin Melayu yang berada di atas pentas.
Kagum	Mereka sangat kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh Tuanku Permaisuri Perak itu.

(v) Memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union

Pulau	Raja-raja Melayu memulaukan upacara pelantikan Gabenor setelah perjumpaan dengan Dato' Onn Jaafar di Hotel Station.
Resolusi	Dato' Onn Jaafar mempersembahkan resolusi Kongres Melayu.
Boikot	Memohon Raja-raja Melayu supaya bersama-sama dengan rakyat memboikot upacara pelantikan Gabenor Malayan Union.
Laung	Ribuan orang Meiyayu yang berhimpun di Hotel Station melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu".
Nekad	Raja-raja Melayu nekad memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union, iaitu Sir Edward Gent dan mengadakan sidang akhbar.

3 Seorang pemimpin yang cemerlang terbukti mampu menangkis ancaman luar terhadap negaranya. Apakah ciri-ciri pemimpin tersebut?

Beri hujah anda.

Ilmu	Mengamalkan ilmu sahsiah dan pemerintahan – disukai rakyat – sikap diteladani rakyat – kepimpinan melalui teladan
Adil	Pemerintah yang adil dan saksama – mewujudkan perpaduan rakyat – mendapat sokongan rakyat
Terbuka	Memiliki sikap keterbukaan
Muafakat	Mementingkan permuafakatan dan perundingan
Wawasan	Berpandangan jauh – berwawasan – berfikiran rasional – dapat mempengaruhi pihak lawan
Diplomatic	Mementingkan hubungan diplomatik – hubungan luar antara negara – jalinkan hubungan baik
Contoh	Menjadi contoh kepada negara-negara lain di dunia – disegani
Bijak	Bijak mengatur strategi untuk kelangsungan kedaulatan negara

4 Berita pelaksanaan Malayan Union untuk pengetahuan umum disiarkan melalui akhbar Majlis pada 12 Oktober 1945 yang mencetuskan penentangan rakyat terhadap British.

Apakah yang disuarakan dalam akhbar-akhbar Melayu?

Bantahan keras	Akhbar seperti Utusan Melayu (Singapura), Majlis (Kuala Lumpur) dan Warta Negara (Pulau Pinang) telah menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu.
Perhimpunan	Akhbar ini menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union - sentiasa melaporkan perkembangan berita penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

5 Jelaskan bantahan terhadap Malayan Union oleh Persatuan Melayu.

Himpun	Persatuan Melayu seperti Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor berjaya menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara dan setiap lapisan masyarakat untuk membantah Malayan Union.
Aktif	Pertubuhan Melayu ditubuhkan atau diaktifkan semula sebagai tindak balas terhadap Malayan Union.
Rapat umum	Pertubuhan ini kemudian menjadi penggerak menganjurkan rapat umum.
Bantah	Membantah tindakan MacMichael dalam usaha mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu dan bantahan terhadap gagasan Malayan Union.

- 6 Orang Melayu berasa sedih dan berkabung apabila berita tentang gagasan Malayan Union diumumkan. Pada pendapat anda, mengapakah orang Melayu mempunyai perasaan demikian? Kemukakan alasan anda.**

Orang Melayu sedih kerana

Jajah	Negara akan terus dijajah oleh kuasa asing walaupun mereka telah banyak berkorban
Hilang	Raja-Raja Melayu akan kehilangan kuasa memerintah
Pendatang	Bilangan kaum pendatang akan terus bertambah di Tanah Melayu – diutamakan oleh penjajah dalam pelbagai bidang
Mundur	Kehidupan orang Melayu akan mundur di negara sendiri kerana adanya dasar penjajah yang mengekang kemajuan orang Melayu
Sia-sia	Perjuangan orang Melayu mempertahankan kedaulatan negara seperti sia-sia
Mati	Menganggap 'Hari Kematian' orang Melayu - berhimpun memakai lilitan kain putih di songkok sebagai tanda berkabung.

- 7 Penentangan gagasan Malayan Union dianjurkan oleh pemimpin persatuan Melayu dan penglibatan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing.**

Bagaimanakah idea menganjurkan Kongres Melayu bermula?

Za'ba	Bermula apabila Za'ba, Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor, menghubungi Dato' Onn Jaafar di Johor, Dato' Panglima Bukit Gantang di Perak dan Tunku Abdul Rahman di Kedah.
Suara	Menyuarakan penubuhan sebuah badan induk untuk menjadi pemangkin menentang Malayan Union.
Setuju	Pemimpin dan cendekiawan Melayu pada peringkat negeri bersetuju untuk menganjurkan Kongres Melayu.
Sepakat	Bersepakat mahu menubuhkan badan induk untuk menentang Malayan Union secara tersusun.

- 8 Perjuangan menentang Malayan Union berkembang ke peringkat kebangsaan melalui Kongres Melayu Kuala Lumpur dan Kongres Melayu Johor.**

Apakah istimewanya kongres ini kepada orang Melayu?

Satu	Menyatukan 41 buah pertubuhan Melayu dari seluruh negara.
Wakil	Mewakili pelbagai lapisan masyarakat antaranya termasuklah tokoh politik, sosial, perniagaan dan ekonomi.
Setuju	Kongres ini bersetuju menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO) untuk menentang Malayan Union.
UMNO	UMNO ditubuhkan di Istana Johor pada 11 Mei 1946.

- 9 Apakah hubungkait Kongres Melayu dengan penubuhan UMNO?**

Setuju	Kongres Melayu di Kuala Lumpur bersetuju menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO) untuk menentang Malayan Union.
Tubuh	Kemudian, semasa Kongres Melayu di Johor, UMNO ditubuhkan di Istana Johor pada 11 Mei-1946.
Maju	UMNO melaksanakan beberapa perkara penting untuk memajukan orang Melayu dan menjadi penggerak memupuk perpaduan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.

- 10 Pada pendapat anda, mengapakah kerajaan British mengubah pendirian untuk membatalkan gagasan Malayan Union?**

Kemukakan alasan anda.

Laporan	Gammans dan Rees Williams membuat laporan kepada Pejabat Tanah Jajahan.
Tidak sedar	Bahawa sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union tidak menyedari akibat daripada perjanjian tersebut.
Sokong	Mereka menyokong sepenuhnya cadangan Raja-raja Melayu terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Bantahan	Bantahan penduduk tempatan berjaya membuka mata kerajaan British terhadap keburukan Malayan Union.
-----------------	--

4.4 Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British

1 Sarawak ditakluki oleh pihak Jepun dari Disember 1941 hingga September 1945. Selepas Perang Dunia Kedua Sarawak telah diambil alih oleh pihak British.

Bagaimanakah Sarawak ditadbir selepas Perang Dunia Kedua tamat?

BBCAU	Setelah Perang Dunia Kedua tamat, tentera Australia mendarat di Kuching dan memperkenalkan pentadbiran tentera, iaitu British Borneo Civil Affairs Unit (BBCAU) pada 11 September 1945.
BMA	Pada tahun 1946, British kemudian memperkenalkan BMA di Sarawak.
Serah	Pada 1 Julai 1946, Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.
Tentangan	Penyerahan ini mendapat tentangan hebat daripada masyarakat tempatan di Sarawak.

2 Mengapakah Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British?

(i) Masalah Pewarisan Takhta

Tiada waris	Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki (waris) untuk menggantikan tempatnya sebagai raja.
Tua	Beliau semakin tua dan uzur.
Enggan	Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke (anak Bertram Brooke) untuk menggantikannya.

(ii) Desakan Kerajaan British

Desak	Pada 19 Jun 1944, pihak Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak.
Kuasai	Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya, British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu.
Serah	Pada 28 Februari 1945, Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke tentang pendirian untuk menyerahkan Sarawak kepada British.
Setuju	Vyner Brooke bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada British.

(iii) Masalah Kewangan

Kewangan	Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas teretusnya Perang Dunia Kedua.
Jejas	Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah juga terbiar.
Baiki	Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu dibaiki.
Tidak mampu	Vyner Brooke tidak mampu untuk membangunkan negeri Sarawak semula.

3 Pemimpin negara kita juga menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha membangunkan Malaysia. Pada pendapat anda, apakah cabaran tersebut?

Beri hujah anda.

Luar	Masih bergantung kepada teknologi luar
Wang	Nilai mata wang turun naik
Sukar	Pemikiran masyarakat yang sukar diubah
Individualistik	Mengutamakan kepentingan peribadi / individualistik
Perpaduan	Masalah perpaduan masyarakat – senang goyah kerana isu-isu tertentu
Jurang	Jurang ekonomi antara kaum – kegiatan ekonomi mengikut kaum - petempatan

- 4 **Vyner Brooke memerintah Sarawak sehingga penaklukan Jepun pada Disember 1941 dan selepas Jepun tewas pula Sarawak diserahkan kepada kerajaan British sebagai tanah jajahan mahkota (Crown Colony) British secara rasminya pada 1 Julai 1946.**

Apakah peranan Gammans dan Rees Williams dalam peristiwa penyerahan Sarawak?

Hantar	Kerajaan British menghantar dua orang ahli parlimennya, iaitu Gammans dan Rees Williams.
Tinjauan	Untuk membuat tinjauan penduduk Sarawak berkaitan penyerahan Sarawak kepada British.
Laporan	Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan dengan isu penyerahan Sarawak dibawa ke Majlis Negeri untuk diundi.
Undang-undang Menang	Majlis Negeri telah mengeluarkan Rang Undang-Undang Penyerahan (Cession Bill). Keputusannya menunjukkan bahawa golongan propenyerahan menang.

- 5 **Terangkan proses penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.**

Surat Tanda tangan	Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke pada 28 Februari 1945. Meminta beliau menandatangani surat perjanjian dengan George Henry Hall, Setiausaha Tanah Jajahan. Pada 24 Oktober 1945
Setuju Hantar	Beliau bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British. Vyner Brooke menghantar setiausaha peribadinya, Gerard T. MacBryan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.
Pulang	Gerard T. MacBryan pulang ke England bersama-sama dengan dokumen yang ditandatangani oleh ketua tempatan Sarawak.
Serah Tanpa pengetahuan Arah	Vyner Brooke bersetuju menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Penyerahan itu dibuat tanpa pengetahuan rakyat Sarawak. Kerajaan British mengarahkan Vyner Brooke supaya mendapatkan kelulusan Majlis Negeri dan persetujuan rakyat Sarawak terlebih dahulu.
Tinjauan	Kerajaan British menghantar dua orang ahli parlimennya, iaitu Gammans dan Rees Williams untuk membuat tinjauan.
Hasil tinjauan	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian besar peribumi menentang penyerahan Sarawak. • Orang Cina menyokong penyerahan Sarawak. • Terdapat juga penduduk yang tidak memahami maksud penyerahan Sarawak. • Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan dengan isu penyerahan Sarawak dibawa ke Majlis Negeri untuk diundi.
Undang-undang Menang	Majlis Negeri telah mengeluarkan Rang Undang-Undang Penyerahan (Cession Bill). Keputusannya menunjukkan bahawa golongan propenyerahan menang dengan 19 undi, sementara 16 undi menentang.
Mansuh Jajahan Hari Penyerahan	Taraf Sarawak sebagai negeri naungan British dimansuhkan. Sarawak disahkan sebagai tanah jajahan British. Pada 1 Julai 1946, Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan di Kuching.

- 6 **Pelbagai cabaran dihadapi oleh Malaysia dalam memantapkan kestabilan politik untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.**

(i) **Apakah cabaran-cabaran tersebut? Berikan hujah anda.**

Bangsa Malaysia	Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu – senang goyah kerana isu-isu tertentu
Moral	Mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika – terlibat dalam dadah / jenayah / salah laku / kurang integriti
Maju	Membina masyarakat yang maju dan saintifik – sukar mengubah minda – mudah berasa selesa
Penyayang	Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang – bersikap individualistik – sikap tidak peduli

Saksama Menjamin masyarakat yang adil dan saksama – kaya semakin kaya – golongan miskin bertambah ramai – jurang ekonomi tinggi

(ii) Apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menghadapi cabaran tersebut?

Kemukakan alasan anda.

Sekolah kebangsaan Memperkasa hubungan antara kaum – contoh: sekolah kebangsaan / persatuan
Rukun Negara Mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian – kukuhkan nilai / etika – mantapkan sahsiah diri – patuh undang-undang
Kuasai ilmu Menguasai ilmu sains dan teknologi – berkemahiran tinggi – ubah sikap dan pemikiran – pentingkan ilmu
Bangga Mengukuhkan rasa bangga menjadi rakyat Malaysia – hidup saling menghormati – agama, budaya dan tradisi – memperkaya warisan bangsa
Sama rata Menjamin hak dibahagikan sama rata - ekonomi / politik / sosial – adil untuk rakyat

4.5 Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Penyerahan Sarawak

- 1 Pada 1 Julai 1946, upacara penyerahan Sarawak kepada British berlangsung di hadapan bangunan Mahkamah, Pangkalan Batu, Kuching. Peristiwa itu dikenali sebagai Hari Penyerahan atau Cession Day. Dengan itu bermula dari 1 Julai 1946 Sarawak telah mengalami perubahan taraf kedudukan politik dan menjadi tanah jajahan mahkota British.**

Apakah reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak?

Menentang Dipimpin oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.
Menyokong Diketuai Datu Bandar Abang Haji Mustapha dan Datu Amar Abang Haji Suleiman.

- 2 Mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British?**

(i) Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941

Prinsip Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.
Bimbing Menurut perlembagaan ini, penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri.
Langgar Namun begitu, tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan ini.
Nafi hak Beliau menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri seperti yang termaktub dalam perlembagaan ini.

(ii) Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke

Tanpa bincang Vyner Brooke telah membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke).
Pulih Golongan menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah.

(iii) Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat

Muslihat Gerard T. MacBryan menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.

3 Kestabilan dan kemakmuran negara yang kita miliki pada hari ini perlu dihargai. Bagaimanakah anda menghargainya?

Kemukakan hujah anda.

Patriotik	Menjadi rakyat berjiwa patriotik – bersama memajukan negara – hidup bersatu padu
Rukun Negara	Menjadikan Rukun Negara panduan hidup – menjaga maruah negara
Berilmu	Menjadi rakyat berilmu pengetahuan – kuasai kemahiran ICT
Agama	Berpegang kepada ajaran agama – elakkan masalah – menjadi rakyat yang baik
Terbuka	Bersikap terbuka – berminda kelas pertama – peka perkembangan semasa – politik / ekonomi / social / dunia
Aman	Mencintai keamanan negara – sokong dasar-dasar kerajaan – taat kepada pemimpin

4 Penyerahan Sarawak kepada British tidak berlaku dengan lancar kerana telah menimbulkan keadaan huru-hara dalam politik Sarawak. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian daripada penduduk Sarawak telah bertindak menentang terutamanya penduduk bumiputera, iaitu orang Melayu dan Dayak.

Apakah bentuk penentangan yang dimaksudkan tersebut?

Persidangan	Mengadakan persidangan dalam kalangan pertubuhan di Sarawak.
Demonstrasi	Mengadakan demonstrasi yang disertai 16 persatuan Melayu.
Letak	Meletakkan jawatan beramai-ramai oleh pegawai perkhidmatan awam dan guru.
Kempen	Bantahan golongan wanita melalui kempen kesedaran di rumah panjang.
Akhbar	Menggunakan akhbar untuk mengkritik British melalui Utusan Sarawak.
Surat	Menulis surat bantahan kepada kerajaan British di London.
Tubuh	Menubuhkan kumpulan Rukun 13 secara sulit untuk membunuh Duncan Stewart.

5 Jelaskan penentangan dari aspek berikut.

(i) Mengadakan persidangan

Anjur	Johari Anang dan Sharkawi Osman menganjurkan persidangan yang dihadiri oleh perwakilan dari seluruh Sarawak.
Pengerusi	Pengerusi persidangan ini ialah Johari Anang.
Objektif	Objektif persidangan ini adalah untuk mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai kerana menentang penyerahan Sarawak kepada British.
Pertubuhan	Pertubuhan yang menyertai persidangan ini antaranya termasuklah Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Persatuan Melayu Miri, Kesetiaan Muda Matu dan Persekutuan Bumiputera.

(ii) Mengadakan demonstrasi

Gabenor	Pada 30 Oktober 1946, demonstrasi pertama diadakan ketika kedatangan Gabenor pertama Sarawak, Charles Arden Clarke di Astana.
Ketua	Demonstrasi ini diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.
Disertai	Perarakan ini disertai oleh 16 persatuan Melayu.
Desak	PKMS mendesak British berundur dari Sarawak.
Kata	Antara kata yang tertulis termasuklah "Kami membantah dengan sekeras-kerasnya atas tindakan Brooke menyerahkan Sarawak kepada kolonial Inggeris", "Sarawak adalah hak kami", "Leburkan kolonial" dan "No Cession".
Poster	Sepanduk dan poster antipenyERAHAN ditampal di pokok, perahu dan jeti.
Teraju	Demonstrasi di Sibu diterajui oleh PPM.
Berjaya	Beberapa demonstrasi berjaya dilaksanakan.

6 Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghalang campur tangan kuasa asing dalam pentadbiran negara.

Berikan hujah anda.

Aman	Mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara
Satu	Mengamalkan semangat bersatu padu
Taat	Mengamalkan taat setia kepada raja dan negara
Patuh	Mematuhi undang-undang negara
Kawal	Memperkukuh kawalan keselamatan negara – kukuhkan pertahanan – kawalan laut / udara / sempadan
Hormat	Menjunjung / menghormati perlembagaan
Hati-hati	Berhati-hati dengan sebarang tindakan yang diambil – bijak mengatur strategi
Wawasan	Mempunyai pemimpin yang berkaliber / berwawasan – berpendirian teguh - disegani

7 Golongan yang menentang penyerahan Sarawak melancarkan pelbagai bentuk penentangan dan bantahan terhadap penyerahan Sarawak kepada British.

Mengapakah British bertindak mengeluarkan Pekeliling No 9/1946?

Pegawai	British menyedari pemimpin antipenyerahan terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru
Larang	British bertindak mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946 (Circular No. 9) pada bulan Disember 1946 yang melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan.
Kakitangan Letak jawatan	Pada 2 April 1947, seramai 409 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan. Kakitangan yang meletakkan jawatan termasuklah guru serta petugas di Pos dan Telegraf, Jabatan Marin, Kastam, Perubatan dan Kesihatan, Percetakan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Bomba dan Perbendaharaan.
Pelajar	Seterusnya, seramai 56 orang pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak bertindak menamatkan pengajian sebagai bantahan terhadap Pekeliling No. 9.

8 Bagaimanakah golongan wanita bertindak dalam usaha menentang penyerahan Sarawak?

Cikgu Lily	Golongan wanita yang menentang hebat penyerahan Sarawak ialah Cikgu Lily Eberwein (PKMS), Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah dan Cikgu Ajibah Abol.
Kaum ibu	Kaum ibu yang diketuai oleh Cikgu Lily Eberwein telah pergi ke rumah panjang untuk mengadakan kempen kesedaran.
Korban	Mereka sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk mengatur demonstrasi menentang penyerahan Sarawak.
Ketua	Cikgu Ajibah Abol mengetuai kaum wanita untuk bergabung tenaga dengan gerakan antipenyerahan dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Sarawak.

9 Bagaimanakah akhbar Utusan Sarawak berperanan dalam gerakan antipenyerahan?

Terbit	Gerakan antipenyerahan telah mendapat tenaga baharu apabila akhbar Utusan Sarawak diterbitkan pada bulan Januari 1949.
Saluran	Utusan Sarawak digunakan sebagai saluran untuk menyebarkan tentangan mereka terhadap penyerahan Sarawak.
Kritikan Berita	Pengarang menggunakan kritikan yang tajam terhadap rancangan penyerahan Sarawak. Misalnya, ulasan berita tentang tindakan kerajaan British menyekat Anthony Brooke daripada memasuki Sarawak pada 16 September 1949 dan artikel bertajuk "Kerajaan British Menipu Rakyat" yang disiarkan pada 7 November 1949.

- 10 Setiap warganegara perlu ada semangat cinta akan negara. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada semangat tersebut? Kemukakan alasan anda.**
- | | |
|-----------------|--|
| Hargai | Menghargai perjuangan tokoh kemerdekaan |
| Kenali | Mengenali tokoh-tokoh pejuang |
| Iktibar | Mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah |
| Pelihara | Memelihara keamanan dan kemakmuran |
| Hindari | Menghindari budaya negatif |
| Utamakan | Mengutamakan kepentingan negara |
- 11 Golongan muda dalam gerakan antipenyerahan Sarawak menubuhkan Rukun 13 pada 20 Ogos 1948. Bagaimanakah gerakan Rukun 13 ditubuhkan? Mengapa?**
- | | |
|----------------|---|
| Sulit | Rukun 13 ditubuhkan secara sulit oleh para pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu |
| Pimpin | Kumpulan ini dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong. |
| Sasaran | Sasaran kumpulan ini adalah untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu, Sarawak. |
| Bunuh | Satu mesyuarat sulit diadakan untuk menubuhkan Duncan Stewart pada 3 Disember 1949 di Sibu. |
- 12 Apakah yang anda tahu tentang peristiwa ‘Sungkit Berdarah’?**
- | | |
|-------------------------|--|
| Rosli Dhoby | Rosli Dhoby antara pejuang kemerdekaan Sarawak. |
| Tikam | Beliau telah menikam Duncan Stewart di Sibu pada 3 Disember 1949. |
| Pisau | Pisau kelasi disapu dengan racun asid urik pada muncungnya bagi membolehkan tusukannya meninggalkan kesan yang lebih dahsyat dan mati serta-merta. |
| Meninggal dunia | Seminggu kemudian, Duncan Stewart meninggal dunia di Hospital Singapura. |
| Sungkit Berdarah | Peristiwa ini dikenali dengan nama ‘Sungkit Berdarah’. |
- 13 Jelaskan tentang puisi ‘Panggilan Mu yang Suchi’ tulisan Rosli Dhoby.**
- | | |
|----------------|---|
| Lidros | Sajak ini telah ditulis oleh Rosli Dhoby dengan menggunakan nama samaran Lidros. |
| Ajak | Mengajak orang Melayu Sarawak bangkit memajukan negeri. |
| Harapan | Harapan beliau supaya kedaulatan Sarawak kekal terjamin. |
| Ancaman | Pelbagai bentuk ancaman perlu ditangani dengan bijak secara bersama sebagai rakyat Sarawak. |
| Bangga | Rakyat Sarawak perlu berbangga mengibarkan bendera Sarawak sebagai simbol jati diri dan semangat cinta akan negeri Sarawak. |
| Merdeka | Walau apapun berlaku, kemerdekaan Sarawak perlu dikekalkan demi bangsa. |
- 14 Pada pendapat anda, bagaimanakah British menangani gerakan antipenyerahan oleh Rukun 13? Berikan hujah anda.**
- | | |
|----------------|--|
| Tindas | Pembunuhan Duncan Stewart memberikan kesempatan kepada British untuk menindas gerakan antipenyerahan. |
| Tutup | Pada 6 Disember dan 7 Disember 1949, British menutup pejabat PPM, PKMS, BPS dan Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak (ASAS). |
| Henti | Anthony Brooke merayu semua persatuan antipenyerahan supaya menghentikan usaha menentang penyerahan pada 5 Februari 1951. |
| Gantung | Rosli Dhoby, Morshidi Sidek, Awang Rambli dan Bujang Suntong akhirnya dikenakan hukuman gantung hingga mati setelah didapati bersalah. |
| Penjara | Anggota Rukun 13 yang lain dikenakan hukuman penjara. |
| Gagal | Gerakan antipenyerahan Sarawak menemui kegagalan. |
| Sedar | Gerakan tersebut memberikan kesedaran dan membangkitkan nasionalisme dalam |

- Parti kalangan penduduk tempatan.
Semangat tersebut membawa penubuhan parti politik di Sarawak.
- 15 Penyerahan Sarawak telah mencetuskan reaksi menentang dan menyokong daripada penduduk. Siapakah yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British?**
- Ketua** Kumpulan penyokong ini diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha dan Datu Amar Abang Haji Suleiman.
- Maju** Faktor menyokong penyerahan Sarawak untuk memajukan negeri dan penduduk tempatan.
- Peluang kerja** Serta memberikan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam.
- 16 Mengapakah penduduk tempatan ada yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British?**
- (i) Memajukan Negeri**
- Musnah** Ahli Majlis Negeri, Datu Bandar Abang Haji Mustapha menyatakan bahawa selepas perang, negeri Sarawak mengalami banyak kemusnahan.
- Maju Sarawak** Penyerahan ini dapat memajukan Sarawak dalam pelbagai aspek seperti politik, perhubungan, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Sarawak.
- (ii) Memajukan Penduduk Tempatan**
- YMA** Golongan propenyarahan menubuhkan Young Malay Association (YMA) untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial.
- Bantu** Pertubuhan ini juga membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan dalam pelbagai aspek.
- Pelajaran** Kegiatan YMA menjurus dalam bidang pelajaran, agama dan sukan.
- Cawangan** Pertubuhan ini menubuhkan cawangannya di Sibuan, Kalak dan Miri.
- (iii) Memberikan Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam**
- Jawatan tinggi** Ramai golongan intelektual di Sarawak diberikan peluang untuk mengisi jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan seperti peguam, doktor dan jurutera.
- Kerajaan sendiri** Dengan ini, British akan memberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Sarawak.
- 17 Nasionalis antipenyarahan Sarawak menentang British dengan semangat nasionalisme yang tinggi, namun British berjaya juga menjadikan Sarawak tanah jajahannya. Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut? Kemukakan hujah anda.**
- Pertahan hak** Mempertahankan hak bangsa – pertahankan maruah negara
- Bersatu** Pemimpin dan rakyat bersatu – bersemangat waja
- Sedia berubah** Sedia berubah ke arah kemajuan – berfikiran terbuka
- Hargai** Menghargai jasa pemimpin dan pejuang – sanggup berkorban demi negara – sanggup mati
- Toleransi** Bertoleransi menghadapi konflik

4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

- 1 **Selepas tentera Jepun menyerah kalah, British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Sabah dengan tujuan mengembalikan keamanan dan ketenteraman negeri.**

Bagaimanakah berlakunya proses penyerahan Sabah oleh SBUB kepada British?

Perjanjian Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British pada 26 Jun 1946.

Jajahan Sabah kemudiannya menjadi tanah jajahan British.

Pentadbiran Penyerahan Sabah sebagai sebuah tanah jajahan bermakna pentadbiran negeri akan ditadbir oleh seorang Gabenor yang bertindak sebagai Ketua Kerajaan.

Gabenor Gabenor British yang pertama di Sabah ialah Sir Edward Twining.

- 2 **Mengapakah Sabah diserahkan kepada British?**

(i) **Memenuhi Kepentingan British**

Merdeka Perdana Menteri Britain, Clement Attlee ketika itu sedang menyelesaikan soal pemberian kemerdekaan kepada Sri Lanka, India dan Burma.

Ganti Sementara itu, Sabah merupakan sebuah negeri yang berpotensi menggantikan jajahan tersebut.

Bekal Sabah berupaya untuk membekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British.

(ii) **Meneruskan Dasar British dalam Hubungan Luar**

Naungan Semasa pemerintahan SBUB, Sabah menjadi negeri naungan British.

Kuasai British menguasai perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah.

Dorong Keadaan ini mendorong SBUB membuat keputusan untuk menyerahkan Sabah kepada British pada tahun 1946.

(iii) **Masalah Kewangan SBUB**

Musnah Sebelum meninggalkan Sabah, tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan.

Kos besar Kerosakan ini memerlukan kos yang besar dan tidak mampu ditanggung oleh SBUB bagi membangunkan Sabah.

Kurang dana Pihak syarikat bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British kerana kekurangan dana.

- 3 **Dasar-dasar pentadbiran British di negara kita bertujuan menjaga kepentingan mereka.**

Beri komen anda.

Ekonomi Menjaga kepentingan ekonomi – eksloit bahan mentah – bijih timah / getah / hasil bumi

Kemudahan Kemudahan untuk kepentingan sendiri – jalan raya / jalan kereta api / pelabuhan

Tidak maju Tidak memajukan pendidikan rakyat tempatan – peringkat rendah

Birokrasi Memperkenalkan birokrasi Barat – pentadbiran / perundangan

Ambil alih Mengurangkan kuasa raja dan pembesar - ambil alih pentadbiran

4.7 Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Penyerahan Sabah

1 Penyerahan Sabah kepada British pada 15 Julai 1946 tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan Sabah.

Mengapakah penduduk Sabah kurang terlibat dalam pertubuhan?

- Etnik** Penduduk Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang berbeza dari aspek bahasa, budaya, sistem kepercayaan, petempatan dan kegiatan ekonomi.
- Sukar** Keadaan ini menyukarkan pemimpin Sabah untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan.

2 Apakah sebab rakyat Sabah tidak menentang penyerahan Sabah kepada British?

- Tindas** Dasar British menindas kegiatan berpersatuan di Sabah
- Had** Dasar British menghadkan peluang dalam pentadbiran
- Peluang** Penyerahan Sabah dianggap sebagai peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran, memajukan bidang perniagaan dan meluaskan jaringan perdagangan.
- Bangun** Penyerahan ini dapat membangunkan negeri Sabah selepas perang.
- Sosioekonomi** Menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan.

3 Apakah persatuan yang ada di Sabah? Apakah perjuangan mereka?

- PASPAS** Ada persatuan yang ditubuhkan seperti Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS) dan Persatuan Kebangsaan Melayu di Sabah - juga Barisan Pemuda Sabah (BARIP)
- Ekonomi** Pada awalnya, organisasi di Sabah ditubuhkan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan politik kaum bumiputera.
- Bangkit** Kemudiannya, pemimpin persatuan ini bergiat aktif membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat.

4 Pada pendapat anda, bagaimanakah British menangani gerakan nasionalisme melalui berpersatuan di Sabah?

Kemukakan hujah anda.

- Khuatir** British khuatir pengaruh pemimpin ini akan menggugat kedudukan mereka di Sabah.
- Tawaran** Bagi melumpuhkan gerakan nasionalisme ini di Sabah, British bertindak secara halus menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan ini.
- Pindah** Selain itu, British turut memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif dalam gerakan berpersatuan ke bandar lain.
- Contoh Lemah** Mandur Syarif (pemimpin BARIP) dihantar pulang ke Indonesia
Kegiatan berpersatuan ini akhirnya menjadi lemah kerana mengalami masalah kewangan dan kekurangan pemimpin yang berkebolehan.

5 Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat sebarang bantahan daripada penduduk tempatan disebabkan tindakan British yang berjaya melumpuhkan gerakan nasionalisme di Sabah.

Apakah tindakan British yang dimaksudkan?

Tawar	Menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada pemimpin dan ahli persatuan.
Pindah	Memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif dalam gerakan berpersatuan ke bandar lain.
Contoh	Contoh – Tengku Nordin (pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Labuan) dihantar pulang ke Tanah Melayu.

6 Mengapakah British menghadkan peluang rakyat Sabah dalam pentadbiran?

- Kurang** Memastikan penduduk Sabah kurang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran Barat.
- Kawal** Tujuan mengawal kebangkitan semangat nasionalisme rakyat Sabah yang boleh menggugat kedudukan British.

7 Apakah kepentingan penyerahan Sabah terhadap sosioekonomi penduduk?

- Peluang** Menganggap sebagai peluang melibatkan diri dalam pentadbiran, memajukan bidang perniagaan dan perdagangan
- Bangun** Membangunkan negeri Sabah selepas perang – sebab itu penduduk tidak menentang British

8 Mengapakah pendidikan penting untuk menimbulkan kesedaran nasionalisme?

Berikan hujah anda.

- Kemahiran** Menguasai pelbagai kemahiran – tenaga pakar kepada negara – kelangsungan pembangunan
- Jati diri** Mengukuhkan jati diri bangsa Malaysia – bijak dan rasional – matang / progresif
- Perpaduan** Memelihara perpaduan – hidup saling menghormati – sikap toleransi
- Terbuka** Mengamalkan sikap terbuka – hormati pandangan individu – menjadi rakyat berminda kelas pertama
- Intelektual** Melibatkan diri dalam kegiatan keintelektualan – penulisan / penterjemahan – ahli fikir kepada negara

